

UMP tambah program kemasyarakatan

KUANTAN 3 Feb. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan memperbanyakkan lagi program kemasyarakatan melibatkan penuntut universiti itu dalam usaha mendekati penduduk setempat di negeri ini.

Naib Canselor UMP, Datuk Dr. Mohamad Said Mat Lela berkata, ia merupakan satu pendedahan yang baik untuk mahasiswa agar mereka dapat menjiwai suasana dan masalah setempat yang dihadapi oleh masyarakat di Pahang.

"Ada penuntut kita yang tidak pernah didedahkan dengan kehidupan di kampung dan saya berharap melalui program ini mereka akan lebih menjiwai suasana kehidupan penduduk di sini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Program Bergotong-Royong UMP Bersama Penduduk Kampung Jaya Gading di sini hari ini.

Seramai 1,000 mahasiswa dan mahasiswi UMP terlibat dengan program bergotong-royong yang turut membabitkan Kampung Pandan 2 dan Kampung Batu 8 dekat sini.

Menurutnya, melalui program itu juga, UMP bermatlamat untuk cuba mendekati warga Pahang khususnya di kalangan pelajar sekolah agar lebih hampir dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tersebut.

Jelas beliau, cara itu diyakini akan dapat memupuk minat para pelajar sekolah di negeri ini untuk melanjutkan pengajian mereka ke menara gading.

"Kita bercadang untuk membawa penduduk setempat khususnya pelajar sekolah rendah berkunjung ke kampus kita supaya mereka dapat melihat sendiri suasana pembelajaran di universiti," ujarnya.

Beliau memberitahu, pendekatan tersebut juga akan meletakkan UMP sebagai sebuah IPT yang unggul di mata masyarakat setempat.

Katanya lagi, aktiviti seumpama itu turut membantu memperkenalkan UMP yang sebelum ini dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem).

Tambah Dr. Mohammad Said, pertukaran nama tersebut secara tidak langsung akan menjelaskan kedudukan UMP di mata masyarakat yang selama ini menyangka universiti itu sebagai sebuah IPT kelas kedua.

Mm/Am us/MSI 7/4R